

Manhaj Imam Ibn Fūrak Dalam Berinteraksi Dengan Hadith Sifat Khabariyyah

[The Approach of Imam Ibn Fūrak in Intracting The Hadiths of Khabariyyah Attributes]

Nik Muhammad Abdul Hayyi Nik Idris^{1*}, Umar Muhammad Noor², & Rahim Kamarul Zaman³

- 1 Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Malaysia, abdulhayyi@ums.edu.my, Phone Number. +601111434667. ORCID iD. <https://orcid.org/0009-0006-9019-9704>
- 2 Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Malaysia, umarmnoor@ums.edu.my, Phone Number. +60165177914. ORCID iD. <https://orcid.org/0000-0003-3128-3720>
- 3 Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic Universiti College, 15730 Malaysia, abdulrahimkz51@gmail.com, Phone Number. +601126017148. ORCID iD. <https://orcid.org/0000-0002-5222-0182>

* Corresponding Author: Nik Muhammad Abdul Hayyi Nik Idris, Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Malaysia, abdulhayyi@ums.edu.my, Phone Number. +601111434667. ORCID iD. <https://orcid.org/0009-0006-9019-9704>

Keywords:

Ibn Furak; Mushkil al-Hadith; Salaf; Hadith Khabariyyah Attributes; Sunna

ABSTRACT

Ibn Fūrak was one of the most influential hadith scholars in the fourth century. His prominence in the field of hadith can be seen through his masterpieces, including Mushkil al-Hadīth. This book contains the description and point of view of Imam Ibn Furak on the hadiths of khabariyyah attributes and their explanations. This study is essential in analysing Imam Ibn Furak's facts on the meaning of hadiths of khabariyyah attributes due to his expertise in various disciplines. By observing the khabariyyah attributes of hadiths from the correct perspective, the general public will gain accurate knowledge that aligns with the wishes of the nuṣūṣ (textual) and the beliefs of the salaf. This study aims to identify Imam Ibn Furak's view on hadith khabariyyah attributes based on the content of the book Mushkil al-Hadīth. Next, the study formulates the concept of understanding and interacting with khabariyyah attributes hadiths according to the beliefs of the Salaf. This study applies the inductive method to obtain hadiths related to the description of the Salaf in the book Mushkil al-Hadīth. Descriptive methods are carried out to describe and summarise Imam Ibn Furak's statement regarding the concept of interacting with khabariyyah attributes hadiths. The study's findings show that Imam Ibn Furak has explained the correct description of interacting with the hadiths of khabariyyah attributes and dispelled any accusation that he used the forbidden knowledge of kalam. In addition, he often discusses Arabic language debates in the book Mushkil al-Hadīth. Overall, khabariyyah attributes hadiths not only need to be confirmed to be authentic, but they also need to be based on the understanding of the Salaf that is in line with the guidance of the sunnah.

Kata Kunci:

Ibn Furak; Mushkil al-Hadis; Salaf; Sifat Khabariyyah; Sunnah

ABSTRAK

Ibn al-Furak merupakan salah seorang tokoh ulama hadis paling berpengaruh pada abad keempat. Ketokohan beliau dalam lapangan hadis dapat dilihat menerusi hasil adiknya tinggalan beliau seperti *Mushkil al-Hadīth*. Kitab ini memuatkan huraian dan sudut pandang Imam Ibn Furak terhadap hadis-hadis sifat *khabariyyah* serta huraian. Kajian ini penting dalam usaha menganalisis fakta Imam Ibn Furak terhadap maksud hadis-hadis sifat *khabariyyah* hasil kepakaran beliau dalam pelbagai disiplin ilmu. Dengan mengamati hadis-hadis sifat *khabariyyah* daripada perspektif yang benar, masyarakat umum akan beroleh pengetahuan yang tepat dan selari dengan kehendak *nuṣūṣ* dan pegangan salaf. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti sudut pandang Imam Ibn Furak berkaitan hadis-hadis sifat *khabariyyah* berdasarkan kandungan kitab *Mushkil al-Hadīth*. Seterusnya, kajian merumuskan tentang konsep berinteraksi dengan hadis-hadis sifat *khabariyyah* menurut pegangan salaf. Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan hadis-hadis berkaitan huraian salaf dalam kitab *Mushkil al-Hadīth*. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan dan merumuskan kenyataan Imam Ibn Furak berhubung konsep berinteraksi dengan hadis-hadis sifat *khabariyyah*. Dapatan kajian menunjukkan Imam Ibn Fūrak telah menjelaskan huraian yang benar dalam berinteraksi dengan hadis-hadis sifat *khabariyyah* sekaligus membatalkan tuduhan yang mengatakan beliau menggunakan ilmu kalam yang terlarang. Sebagai tambahan, beliau juga sering memuatkan perbincangan bahasa arab di dalam penulisan karya *Mushkil al-Hadīth*. Secara keseluruhannya, Hadis-hadis sifat *khabariyyah* bukan sahaja perlu dipastikan kesahihan periwayatnya bahkan ia juga perlu bersandar kepada kefahaman Salaf yang selari dengan petunjuk sunnah.

Received: September 1, 2024

Accepted: Dec 12, 2024

Online Published: Dec 31, 2024

1. Pendahuluan

Allah SWT memiliki segala sifat kesempurnaan. Sifat-sifat ini dikategorikan kepada sifat *dhātīyyah* dan sifat *fi'liyyah*, dan setiap sifat itu dipecahkan kepada *khabariyyah* dan *'aqliyyah*. Sifat *Khabariyyah* adalah salah satu Sifat Allah yang sabit berdasarkan al-Quran dan hadis-hadis sahih umpama *istiwā'*, *wajh*, *yad*, *'ayn* dan lain-lain. Ia tidak boleh diserupakan dengan makhluk berdasarkan prinsip “tiada sesuatu yang menyerupai Allah” (al-Bayhaqi, 2004). Sepanjang sejarah Islam terdapat tiga aliran perdana dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* yang berpotensi jatuh ke lembah *tashbīh* (menyamakan Allah dengan makhluk) dan *tajsīm* (menjisimkan Allah). Ia kini dikenali dengan istilah antropomorfisme (Yaacob, 2022; Noor, 2021). Tiga aliran tersebut memiliki sisi pandang yang saling berbeza bahkan sering berpolemik antara satu sama lain. Isu takwil sering menjadi objek perdebatan.

Aliran pertama adalah kumpulan rasionalis yang sering menafikan sifat Allah lalu mewajibkan takwil nas-nas *mutasyabihat* yang boleh membawa kepada pegangan antropomorfisme. Aliran kedua pula adalah kalangan *mushabbihah* dan ultra-tradisionalis yang menetapkan sifat Allah tersebut secara literal dan berlebihan dalam ithbat sehingga menyerupakan Tuhan dengan makhluk. Sebagai menjawab kalangan rasionalis, majoriti mereka mengharamkan ilmu kalam dan takwil. Aliran ketiga kalangan semi-rasionalis yang menetapkan sifat Allah sebagaimana ketetapan wahyu dan akal namun menafikan penyerupaan Tuhan dengan makhluk. Mereka melakukan takwil dalam sesetengah keadaan mengikut keperluan. Aliran ketiga ini merupakan pegangan salaf lalu dikukuhkan oleh Abū al-Ḥasan Ash'arī dan mendapat dokongan khalaf termasuk ahli hadis abad keempat di Naisabur hingga kini menjadi aliran perdana dunia Islam (Markaz al-Azhar, 2014).

Salah seorang tokoh hadis dalam kalangan semi-rasionalis adalah Ibn Fūrak (m. 406h/1015m). Beliau diiktiraf sebagai tokoh yang terpenting kalangan Ash'arīrah melalui karya-karya beliau yang banyak terutamanya *Mujarrad Maqalāt al-Shaykh Abi al-Ḥasan al-Ash'arī*. Di dalam karya ini beliau telah mengumpul serta

menerangkan prinsip-prinsip akidah yang diterangkan oleh Abū al-Ḥasan Ash‘arī dengan mengemukakan pendalilan dan penghujahan yang konkrit (Ibn ‘Asākir, 1979). Ibn Fūrak merupakan seorang ahli hadis yang menguasai ilmu kalam. Semasa menetap di Naysabur, beliau sering menganjurkan majlis periwayatan dan pembacaan kitab-kitab hadis. Majlis tersebut dihadiri oleh ramai ilmuan besar dalam hadis seperti al-Ḥākim, Abū Bakar al-Bayhaqī, Abū al-Qāsim al-Qushayrī, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Khalaf al-Shīrāzī, dan lain-lain. Ibn Fūrak memiliki perhatian besar kepada tafsiran hadis-hadis *mutashābihāt* agar sejalan dengan prinsip akidah ahli Sunnah. Dalam topik ini, beliau menulis *Ta‘wīl Mushkil al-Ḥadīth* dan *Ta‘wīl al-Akḥbār al-Mutashābihah wa al-Radd ‘alā al-Mulḥidah..*

Secara keseluruhannya, kajian ini akan menilai pendekatan yang diamalkan oleh Ibn Fūrak semasa berinteraksi dengan hadis-hadis mengenai sifat *khbariyyah* Allah berdasarkan kitab *Mushkil al-Ḥadīth*. Objektif yang hendak dicapai adalah bagi mengenalpasti hakikat metodologi beliau dalam mengulas kandungan hadis-hadis tentang sifat *khbariyyah* Allah. Kajian ini mendapati bahawa Ibn Fūrak sering mengamalkan takwil berdasarkan kaedah bahasa arab yang fasih sebagaimana amalan salaf agar tidak terjerumus ke lembah fahaman *tajsim* (menetapkan sifat jisim bagi tuhan) dan *tashbih* (menyerupakan tuhan dengan makhluk) yang disepakati menyimpang daripada akidah Islam. Menurut Ibn Fūrak sifat Allah adalah berbentuk *tawqīf* (terhenti kepada dalil wahyu) dan (*sama’*) yang hanya boleh diketahui melalui nas-nas yang *qaṭ‘ī* lagi *mutawātir* bahkan tiada peluang untuk berjihad dalam masalah usul akidah ini (Ibn Fūrak, 2003). Ia tidak sebagaimana masalah fiqh yang dibenarkan berjihad dan mendapat dua pahala bagi yang benar dan satu pahala bagi yang salah (Al-Bukhārī, 2002).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini akan menganalisis pendekatan yang diamalkan oleh Ibn Furak semasa berinteraksi dengan hadith-hadith Sifat Khabariyah berdasarkan kitab *Mushkil al-Ḥadīth*. Objektif yang hendak dicapai adalah mengenalpasti hakikat metodologi beliau dalam mengulas kandungan hadith-hadith tersebut. Kajian ini mendedahkan kepada umum tentang pendekatan yang diamalkan dalam kalangan ahli hadis semi-rasional dalam memelihara keaslian hadis dan sunnah Nabi SAW. Perbincangan akan difokuskan kepada sejarah pertembungan aliran sebelum Ibn Fūrak, di samping biografi ringkas serta konsep takwil yang diamalkan oleh beliau semasa berinteraksi dengan hadis-hadis sifat *khbariyyah*. Dalam metodenya, Ibn Fūrak memastikan kesemua hadis yang dikemukakan hendaklah dipastikan kesahihan riwayatnya terlebih dahulu. Selain itu, kajian ini turut membicarakan konsep takwil yang diamalkan oleh Ibn Fūrak sebagai mekanisme signifikan dalam memahami hakikat manhaj salaf.

Bagi tujuan di atas, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan secara tematik. Sehubungan itu, sistematika kajian ini terbahagi kepada tiga perbahasan. Pada bahagian pertama penulis akan mendedahkan polemik hadis-hadis sifat Allah pada era salaf hingga abad keempat secara ringkas. Pada bahagian kedua, penulis akan memperkenalkan ketokohan dan kedudukan Ibn Fūrak dalam ilmu hadis. Bahagian ketiga pula penulis akan menganalisis pendekatan Ibn Fūrak dalam mengulas kandungan hadith sifat *khbariyyah* selain menjenguk sekilas pandang mengenai kitab *Mushkil al-Ḥadīth* dan kandungannya. Perbahasan ditutup dengan kesimpulan ringkas.

3. Polemik Hadith Sifat *Khbariyyah* Era Salaf

Pada zaman awal Islam, diskusi Sifat *Khbariyyah* tidak berlaku faktor ketegasan pemerintah dalam menyekat perbincangan yang berpotensi mencetuskan huru-hara di dalam agama. Pernah seorang daripada Bani Tamīm bernama Šābiḡ bin ‘Asal datang ke Madinah dan bertanya perihal Sifat *Khbariyyah*. Apabila berita ini sampai kepada Khalifah Umar RA, beliau mengetuk kepala Šābiḡ lalu membuangnya ke Basrah setelah memerintahkan penduduk di sana memulakannya (Ibn ‘Abd al-Bar, 2000). Ia mula tercetus pada akhir pemerintahan Bani Umayyah akibat pengaruh asing selain faktor perluasan demografi umat Islam. Bermula dari negara Syam, polemik ini perlahan-lahan menular ke pelbagai negara lain. Abad kedua hijrah menyaksikan terdapat dua kumpulan yang berpolemik dalam berinteraksi dengan sifat *khbariyyah* tuhan. Masing-masing saling berasak antara berpegang secara literal dan kumpulan yang menafikan sifat *khbariyyah* tuhan (Yaacob, 2022).

3.1. Literalis

Kalangan pertama yang memelopori akidah *tashbīh* adalah para pengikut Abdullah bin Saba' yang dikenali sebagai Syiah Saba'iyyah yang meyakini Khalifah 'Alī bin Abī Tālib adalah tuhan. Golongan ini ditentang hebat oleh seluruh sahabat RA terutamanya Sayyidina Ali bahkan dikatakan beliau mengenakan hukuman dibakar dengan api kepada golongan sesat ini (Mas'od & Hamat, 2019; al-Isfirāyīnī, t.th). Selepas Saba'iyyah, akidah *tajsim* ini mula dihidupkan oleh Hisyām bin al-Ḥakam tokoh Syiah di Kufah (m. kira-kira 190h/805m) lalu beliau dianggap sebagai bapa pemikiran antropomorfisme (al-Isfirāyīnī, t.th).

Manurut al-Naṣṣār (2013), abad kedua juga menyaksikan tokoh terkemuka tafsir, Muqātil bin Sulaimān al-Azdī (m. 150/767) membawa fahaman akidah *tashbih* dan *tajsim*. Hal ini berpunca daripada pertentangan beliau dengan Jahm bin Safwān, pengasas aliran Jahmiyah-Muktazilah. Mereka saling berbalas hujah dengan menulis buku dan sering juga Muqātil melakukan kesilapan dengan menetapkan sifat tuhan yang tidak disebutkan oleh al-Quran dan Sunnah sehingga mengatakan tuhan adalah jisim yang memiliki tubuh berbentuk manusia yang terdiri daripada daging, darah dan tulang, memiliki anggota badan seperti tangan, kaki, kepala dan dua mata. Namun tidak menyerupai sesiapa dan tiada siapa yang menyerupai-Nya (Pervez, 2023; al-Naṣṣār, 2013). Beliau bahkan berhujah menggunakan riwayat *isrā'iliyyāt* untuk menyokong pandangannya. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī bahkan menyatakan para ulama menuduh Muqātil sebagai dusta dan mencela fahaman *tajsim*-nya (al-'Asqalānī, 2001).

Manjengah abad ketiga, fahaman antropomorfisme mula mendapat tempat di Khurasan melalui Abī 'Abdillāh Muḥammad bin Karrām (m. 255/861) yang memelopori gerakan yang berpengaruh iaitu Karrāmiyah. Menurut al-Dhabābī, Ibn Karrām hanyalah seorang ahli ibadah yang sedikit ilmu (al-Dhabābī, 1985). Dalam akidah, beliau menetapkan konsep *tajsim* secara jelas kepada tuhan selain mengatakan arasy adalah tempat duduk tuhan yang bersentuhan dengan zat-Nya yang memiliki had dan akhir. Sesetengah pengikut Ibn Karrām bahkan berpandangan arasy terisi penuh dengan-Nya. Beliau sering berhujah dengan hadis palsu yang diterimanya daripada dua tokoh pemalsu hadis iaitu Aḥmad al-Juwaybirī dan Muḥammad bin Tamīm al-Sa'dī (al-Bustī, 2002).

Al-Shahrastānī pula menanggapi golongan yang berfahaman *tashbīh* dan *tajsim* ini dengan gelaran '*hashawiyah ahli hadith*' (al-Shahrastānī, 2005). Pada hakikatnya mereka bukan ahli hadis kerana mereka seringkali mencipta hadis palsu untuk menyokong fahaman tersebut. Justeru pandangan yang lebih sederhana adalah membezakan antara *hashawiyah* dan ahli hadis kerana penjenamaan '*hashawiyah ahli hadith*' adalah hasil kesilapan muktazilah yang menggunakan istilah *hashawiyah* untuk merujuk kepada ahli hadis dan secara sengaja mengabaikan perbezaan antara dua kumpulan ini (Noor, 2021).

3.2 Rasionalis

Pada masa-masa akhir pentadbiran Bani Umayyah, di sisi yang lain Ja'd bin Dirham mengajukan pandangan yang menafikan sifat tuhan di Damsyik. Beliau dianggap sebagai pelopor kepada golongan penafi sifat (*nufāt al-ṣifah*). Sukar dipastikan di mana beliau menerima konsep akidah ini namun menurut Ibn 'Asākir dan lain-lain, Ja'ad mengambil daripada Abān (atau Bayān) bin Sam'an yang mengambilnya daripada Ṭalūt daripada Labīd bin al-A'ṣam, seorang yahudi yang pernah menyihir Nabi SAW (Pervez, 2023; al-Tamīmī, 1997).

Sementara itu di Khurasan pula, Jahm bin Ṣafwān telah meneruskan legasi pemikiran Ja'ad bin Dirham dan kedua-dua orang ini pernah bertemu dan saling bertukar pandangan di Kufah. Semasa di Balkh, Jahm bin Safwān telah berdebat dengan Muqātil bin Sulaymān dan kedua-dua tokoh ini telah melampau dalam menafikan dan mengisbat sifat tuhan. Jahm bin Ṣafwān menggambarkan tuhan seolah-olah tidak wujud. Beliau menetapkan Allah tidak boleh disifatkan dengan sifat-sifat makhluk umpama wujud, hidup, ilmu, dan kehendak. Beliau menafikan semua sifat tersebut kerana mengesan penyerupaan makhluk (Nashshār, 2013).

Manakala di Basrah pula menyaksikan pengasas Muktazilah, Wāṣil bin 'Atā' al-Ghazzāl yang pada asalnya merupakan murid kepada Ḥasan al-Baṣrī namun memisahkan diri daripada gurunya setelah berselisih pandangan mengenai status keislaman orang yang melakukan dosa besar. Ḥasan al-Baṣrī dan ulama ahli sunnah menyatakan orang berkenaan kekal beriman. Khawarij sebaliknya menetapkan kekufuran orang tersebut. Wāṣil pula berpandangan orang itu berada di antara mukmin dan kafir (*manzilah bayn al-manzilatayn*) (Nashshār, 2013).

Polemik akidah antara Muktazilah dan Sunni merentasi nas-nas sifat tuhan hingga dikatakan mereka mengingkari azab kubur, timbangan amal, titian sirat selain menganggap Nabi tidak dapat memberi syafaat bagi mengeluarkan pelaku dosa besar dari neraka. Berlaku pertembungan yang keras antara Muktazilah dan Sunni hingga saling menuduh antara satu sama lain (al-Sibā'ī, 2003). Pada era Khalifah al-Ma'mūn, Muktazilah mencapai masa-masa keemasan faktor dominasi mereka dalam politik hingga berjaya mempengaruhi al-

Ma'mūn untuk memaksa rakyat jelata untuk menerima pegangan Muktazilah. Kemuncaknya adalah pelaksanaan akta *Miḥnah Khalq al-Qurān* hingga akta tersebut dibatalkan pada era Khalifah al-Mutawakkil. Namun pada abad ke-4 semasa kesultanan Syiah Buwayh, pengaruh Muktazilah yang bercampur dengan Syiah Imāmiyah kembali terzahir. Seiring kebangkitan kesultanan Saljuk yang mendokong aliran Sunni, Muktazilah terpaksa menghadapi cabaran daripada ahli hadis semi-rasional sehingga akhirnya pengaruh mereka pupus sama sekali (al-Qāsimī, 1979).

3.3 Semi-Rasionalis

Ahli hadis semi-rasional adalah golongan yang menyahut seruan al-Quran yang memerintahkan agar menjadi golongan sederhana [*wasatīyyah*]. Mereka ialah kumpulan yang mendapat hidayah daripada Allah SWT yang memiliki akhlak terpuji (al-Ṣāwī, 2014). Menurut Maḥmūd (2021) ahli hadis semi-rasional adalah kumpulan Salaf yang sebenar kerana mereka mewarisi wahyu beserta kefahamannya daripada Rasulullah SAW dan para Sahabat RA. Dalam perbincangan Sifat *Khabariyyah*, kalangan semi-rasionalis menerima semua *nuṣūṣ* al-Quran dan Hadis. Dalam masa yang sama mereka menolak sebarang *tashbīh* dan *tajsim* terhadap Allah SWT. Mereka menafikan ada sebarang *kayfiyyāt* terhadap Allah SWT. Kalangan ini menyerahkan makna sifat *khabariyyah* kepada Allah SWT tanpa membuat sebarang justifikasi terhadap makna zahir yang boleh menjerumuskan seseorang ke lembah antropomorfisme. Sebahagian kalangan mereka mentakwil sifat *khabariyyah* ini dengan makna yang layak bagi Allah SWT berdasarkan kaedah-kaedah bahasa arab (Yaacob, 2022).

Mālik bin Anas, al-Thawrī, al-Auza'ī, al-Layth ibn Sa'ad, ketika ditanya mengenai hadis yang boleh menjerumus seseorang ke lembah antropomorfisme, dengan tegas menyatakan: “lalukan sahaja [*imrār*] hadis tersebut sebagaimana ia datang, tanpa ada *kayfiyyāt*” (al-Bayhaqī, 2008; al-Lālakā'i, 1981). Manakala Aḥmad bin Ḥanbal mentakwil ayat al-Quran “dan telah datang tuhanmu” dengan maksud telah datang pahala-Nya. Menurut al-Bayhaqī (2004) Al-Bukhārī pula menyatakan makna *Dāḥik* [ketawa] ialah rahmat (Maḥmūd, 2021).

Namun menurut Melchert (1997) golongan semi-rasionalis adalah musuh Aḥmad bin Ḥanbal. Pandangan ini disanggah oleh Brown (2007) kerana majoriti ahli hadis semi-rasional mendokong Aḥmad bin Ḥanbal. Dalam sesetengah keadaan, golongan semi-rasionalis tidak mengambil hadis secara literal, begitu juga tidak bergantung pada penilaian rasional semata-mata. Mereka sangat kuat berpegang teguh pada prinsip-prinsip tradisi penerimaan hadis beserta huraian. Pendekatan mereka lebih sistematik dalam memahami sesebuah hadis, serta tidak meninggalkan kerangka tradisional yang digunakan dalam pengumpulan dan penilaian hadis (Melchert, 1997).

Menurut al-Rāmāhurmuzī (2016) kalangan ahli hadis terbahagi kepada dua, iaitu golongan periwayat hadis [*ruwāt*] dan golongan pakar penyelidik hadis [*nuzẓār*]. Pakar ahli hadis ini menguasai fiqh dan ijtihad yang menetapkan akal sebagai alat untuk memahami wahyu. Penggabungan wahyu dan akal ini dikenali sebagai semi-rasional. Antara tokoh yang mengamalkan konsep ini adalah Ibn Fūrak. Beliau mengembangkan metodologi yang menggabungkan penilaian hadis dengan prinsip-prinsip rasional. Beliau menyusun kriteria dalam menilai hadis yang melibatkan analisis rasional dengan menggunakan kombinasi teknik penilaian hadis yang ketat (Ibn Fūrak, 2003).

4. Biografi Ibn Al-Furak (M. 406/1015)

Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan bin Fūrak al-Aṣbahānī, rakan seperguruan Ibn al-Baqillānī di Basrah yang telah mewarnai dunia keilmuan pada abad keempat. Para sejarawan sepakat bahawa beliau berasal daripada Aṣfahan dan memulakan pengajiannya di kawasan Parsi. Beliau mengambil ilmu hadis daripada sejumlah tokoh besar pada zamannya termasuk Aḥmad bin Khurrazadh al-Ahwāzī (m. 356) dan musnid Aṣfahan 'Abd Allah bin Ja'far Ibn Fāris al-Aṣbahānī (m. 346). Beliau seterusnya bertolak ke Iraq lalu menetap di sana untuk mengambil ilmu daripada ramai ulama daripada pelbagai pengkhususan. Semasa berada di Basrah, beliau mempelajari mazhab al-Ash'arī daripada Ibn Mujāhid dan Abū al-Ḥasan al-Bāhilī. Dalam fiqh, beliau kuat berpegang kepada mazhab Shāfi'ī (Haleem, 2020; Dhyab, 2018).

4.1 Pakar Ilmu Hadis dan Kalam

Pada asalnya, Ibn Furak adalah seorang ahli hadith yang tekun mempelajari ilmu ini. Sebuah kejadian membuat beliau berminat untuk mendalami ilmu kalam juga. Semasa mempelajari hadis, Ibn Fūrak merasa musykil

dengan hadis yang menyebutkan bahawa Hajar al-Aswad adalah tangan kanan Allah di muka bumi. Beliau lalu menanyakan makna hadis ini kepada seorang faqih. Jawapan yang diberi bagaimanapun tidak memuaskan beliau. Tokoh itu lalu menyuruhnya untuk mendapatkan jawapan daripada seorang ahli kalam. Selepas mendengar penjelasan ahli kalam tersebut, Ibn Fūrak benar-benar merasa puas dengan jawabannya. Beliau lalu berkata: “Aku mesti menguasai ilmu ini” (Haleem, 2020).

Selepas menguasai ilmu kalam, Ibn Fūrak terlibat dalam pelbagai forum perdebatan akidah di Iraq dan pelbagai negeri. Beliau mempertahankan akidah ahli Sunnah dan sangat tegas kepada setiap ahli bidaah yang menyalahi pegangan tersebut. Musuh utama beliau adalah kalangan Karrāmiyah yang sering mengelirukan masyarakat dengan fahaman *tashbīh*. Selain popular dalam kalangan awam, kumpulan ini turut memiliki hubungan kuat dengan penguasa. Kesungguhan Ibn Fūrak dalam menentang Karrāmiyyah membuat kumpulan ini sangat membenci beliau. Mereka berkali-kali menghasut pihak penguasa untuk membunuhnya. Akibatnya, Ibn Fūrak pernah ditangkap dan dibawa ke Syiraz dalam keadaan terbelenggu.

Menyedari potensi besar pada diri Ibn Fūrak, ulama Naysabur menjemput beliau berhijrah ke negeri mereka. Abū ‘Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī (m 405) bercerita: “Kami mendatangi al-Amīr Nāṣir al-Dawlah Abū al-Ḥasan Muḥammad bin Ibrāhīm, kami meminta beliau untuk menulis surat kepada Ibn Fūrak dan memintanya datang ke Naysabur. Beliau lalu membina untuknya rumah dan madrasah di Khāniqah Abū al-Ḥasan al-Būshanjī. Dengan kehadiran beliau di negeri kami, Allah telah menghidupkan pelbagai jenis ilmu. Keberkatan beliau terzahir pada para pelajar fiqh (*mutafaqqihah*) yang belajar daripadanya.” (Ibn Khallikan, 1971).

Sebagaimana Ibn al-Bāqillānī, Ibn Fūrak bukan sekadar ahli kalam namun juga seorang ahli hadis. Semasa menetap di Naysabur, beliau sering menganjurkan majlis periwayatan dan pembacaan kitab-kitab hadis. Majlis tersebut dihadiri oleh ramai ilmuan besar dalam hadis seperti al-Ḥākim, Abū Bakar al-Bayhaqī, Abū al-Qāsim al-Qushayrī, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Khalaf al-Shīrāzī, dan lain-lain. Ibn Fūrak memiliki perhatian besar kepada tafsiran hadis-hadis *mutashābihāt* agar sejalan dengan prinsip akidah ahli Sunnah. Dalam topik ini, beliau menulis *Ta’wīl Mushkil al-Ḥadīth* dan *Ta’wīl al-Akhbār al-Mutashābihah wa al-Radd ‘alā al-Mulḥidah*.

4.2 Paling Menguasai Mazhab Ash‘arī

Menurut Ibn ‘Asākir (1979), Ibn Fūrak diiktiraf sebagai orang yang paling menguasai semua perkara yang berkaitan dengan sejarah dan akidah al-Ash‘arī. Salah satu karya tulis beliau dikhaskan untuk menghimpun dan menyusun buah pemikiran al-Ash‘arī secara sistematik. Karya tersebut berjudul *Mujarrad Maqālāt al-Shaykh Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*. Di dalam karya ini, Ibn Fūrak telah menghimpun dan merumuskan prinsip-prinsip akidah al-Ash‘arī yang dinukil daripada buku-buku beliau yang kebanyakannya telah hilang pada hari ini. Selain karya ini, Ibn Fūrak turut menghasilkan karya berjudul *I’tiqād al-Muwahḥidīn* namun tidak dijumpai hingga ke hari ini (al-Ishbīlī, 2009). Menurut Ibn Fūrak, Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī hanyalah penerus legasi pakar ahli hadis, bukan membina mazhab baharu yang bercanggah dengan ahli sunnah wal jamaah.

4.3 Anak-anak Dan Murid-murid

Ibn Fūrak hanya meninggalkan anak-anak perempuan yang dididik dengan ilmu dan adab. Mereka seterusnya dinikahkan dengan murid-murid beliau yang merupakan tokoh-tokoh ulama Ash‘arīah terpenting di Khurasan. Puteri tertua beliau dinikahkan dengan Abū Manṣūr Muḥammad bin al-Husayn bin Abī Ayyūb (m. 421h), seorang pakar ilmu kalam bermazhab Ash‘arī yang sangat dihormati di Naysabur. Perkahwinan itu melahirkan seorang ulama bernama Abū Bakr al-Fūrakī (m. 478). Beliau terkenal sangat menguasai ilmu kalam mengikut mazhab Ash‘arī dan menantu Imam Abū al-Qāsim al-Qushayrī. Pada akhir hayatnya, al-Fūrakī menetap di Baghdad dan Mu‘askar serta mengajar di Kolej Nizamiyyah. Ceramah beliau pernah mencetuskan perbalahan semula antara kumpulan Ash‘arī dan Ḥanbalī di Baghdad. Beliau meninggal dunia di Baghdad lalu dimakamkan bersebelahan dengan makam al-Ash‘arī (al-Dhahabī, 1990).

Puteri Ibn Fūrak yang lain dinikahkan kepada Tahir bin Husayn al-Rawqī, seorang ulama Ash‘arī di Tūs dan melahirkan seorang ulama terkenal bernama ‘Ubayd Allah al-Rawqī (m. 496). Gelaran beliau Abū al-Ḥasan. Al-Dhahabī menyebutnya sebagai “seorang ulama Tūs; panjang usia dalam pemeliharaan dan ilmu” (al-Dhahabī, 1990).

Dalam persada ilmu, nama Ibn Furak harum terkenal melalui karya tinggalan beliau yang menjadi rujukan hingga ke hari ini selain mewarisi sejumlah tokoh besar yang meneruskan legasi keilmuan beliau. Antara yang terkenal ialah (Ibn al-Subkī, 1990; Ibn ‘Asākir, 1979):

a. Al-Ḥakīm, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī. Imam ahli hadis pada abad keempat ini (Ibn Khallikan, 1972) juga mendengar dan mengambil hadis daripada Ibn Fūrak. Al-Ḥakīm mendengar hadis dari sejumlah besar para ulama bahkan dikatakan guru beliau mencecah 1000 (seribu) orang. Beliau yang pernah dilantik menjadi hakim di Naysabur ini meninggalkan sejumlah adiknya dalam pelbagai jenis ilmu, antaranya ialah *Ma‘rifat ‘Ulūm al-Hadīth*, *al-Madkhal ‘alā ‘ilmī al-Ṣaḥīḥ*, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, *Fadā’il al-Imām al-Shāfi‘ī*, dan *al-‘Amālī* dan lain-lain.

b. Al-Bayhaqī, Aḥmad ibn Ḥusayn ibn ‘Alī ibn ‘Abd Allāh al-Naysābūrī. Antara tokoh terbesar hadis pada abad kelima sekaligus tokoh terbesar mazhab Shāfi‘ī. al-Juwaynī bahkan mengatakan “setiap orang yang bermazhab Shāfi‘ī pasti terutang budi kepada al-Shāfi‘ī kecuali al-Bayhaqī. Sebaliknya al-Shāfi‘ī terutang budi kepadanya disebabkan karya-karya beliau yang hebat mempertahankan mazhab al-Shāfi‘ī (Harun, 2021; Ibn al-Subkī, 1992).

c. Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin ibn ‘Abd al Mālik ibn Talḥah. Seorang ulama tersohor, pakar fiqh dan kalam, pentafsir al-Quran, sasterawan, pakar nahu dan penyair yang ulung. Seorang yang sangat menguasai manhaj al-Ash‘arī dan tokoh besar dalam tasawuf. Antara karya beliau ialah *al-Risālah al-Qushayriyyah*, *Arba‘ūn fī al-Hadīth*, *al-Fusūl fī al-Uṣūl*, *Kitāb al-Mī‘rāj* dan *Shikāyah ahl al-Sunnah bi Hikāyah Mānālahum min al-Miḥnah*.

Demikianlah beberapa ulama tersohor yang mengambil ilmu daripada Ibn Fūrak. Mereka mempunyai pengaruh yang sangat besar di dalam mempertahankan dan menyebarkan mazhab ahli hadis semi-rasional. Ibn Fūrak berjaya menjadikan Naysabur sebagai pusat keilmuan terpenting di Khurasan. Pengaruh beliau amat signifikan terhadap pengukuhan dan kelestarian ahli hadis semi-rasional generasi berikut. Naysabur telah menyaksikan kelahiran ulama seperti Imam al-Haramayn al-Juwaynī dan Abū Ḥamid al-Ghazālī yang terkenal sebagai pendokong mazhab ahli hadis semi-rasional dan menjadi tokoh terpenting hingga ke hari ini. Selain itu Fakhr al-Dīn al-Rāzī, salah seorang tokoh terbesar al-Ash‘arī juga merupakan tokoh yang lahir daripada aliran ahli hadis semi-rasional (Ibn al-Subkī, 1990, Ibn ‘Asākir, 1971 dan Ibn Khallikan, 1972).

4.4 Menolak Beberapa Syubhat

Ibn Fūrak terkenal sebagai seorang yang saleh, warak, dan zuhud. Beliau dikatakan tidak pernah tidur di sebuah bilik yang mengandungi mashaf al-Quran kerana sangat menghormati kalam Allah. Sikap ini sekaligus membatalkan tuduhan sesetengah kalangan bahawa ulama Ash‘arīyah tidak menghormati mushaf. Kesalehan Ibn Fūrak menempatkan beliau dalam posisi tinggi dalam kalangan ahli tasawuf di Naysabur pada masa itu. Justeru apabila Abū ‘Uthmān al-Maghribī seorang tokoh sufi terbesar Naysabur meninggal dunia pada tahun 373h, Ibn Fūrak menjadi imam solat jenazah ke atas jenazah beliau dengan wasiat daripadanya.

Pada sisi lain, al-Dhahabī (673-748h/1274-1348m) melalui karya beliau *Siyar ‘Alām al-Nubalā’* meletakkan Ibn al-Fūrak sebagai seorang imam dan tokoh *Mutakallimīn* (ahli teologi Islam), namun al-Dhahabī seolah membenarkan perasangka buruk yang dinukilkan oleh Ibn Ḥazm terhadap Ibn Fūrak. Ironinya al-Dhahabī menggambarkan Ibn Fūrak sebagai tokoh yang telah tergelincir dan melakukan bid‘ah (Al-Dhahabī, 1990). Pandangan al-Dhahabī ini berjaya dijawab oleh Ibn al-Subkī justeru kenyataan yang dinukil itu hanya berbentuk tuduhan bahkan dakwaan tersebut bercanggah dengan fakta sejarah dan kebenaran (Ibn al-Subkī, 1992).

Sebelum al-Dhahabī, guru beliau Ibn Taimiyah di dalam *Fatawā al-Ḥamawiyah* membawa konotasi bahawa takwilan Ibn al-Fūrak dan sejumlah aliran semi-rasional yang lain sama dengan Bishr al-Marīsī, tokoh Muktaṣilah (rasionalis) yang dibantah oleh Salaf, sedangkan takwilan Ibn Fūrak tidak termasuk dalam bantahan dan celaan Salaf bahkan selari dengan kaedah bahasa arab (Ibn Jahbal, 1987). Ibn Taimiyah bahkan dengan berani menuduh kalangan semi-rasionalis menyerupai akidah Yahudi, musyrikin dan Sabāiyyīn. Namun menurut Ibn Jahbal tuduhan Ibn Taimiyah adalah melampau kerana ahli kalam berakidah *tanzīh* (Mengesakan dan mensucikan Allah) sedangkan Yahudi, musyrikin dan Sabāiyyīn berfahaman *tashbīh* dan *tajsim*. Selain itu ahli kalam semi-rasionalis merupakan barisan hadapan yang mempertahankan akidah Islam dan berjaya menjawab kesesatan Yahudi, musyrikin dan Sabāiyyīn dengan hujah rasional (Ibn Jahbal, 1987).

Menariknya pasca kemunculan al-Ash‘arī, majoriti kalangan ulama hadis mendokong mazhab beliau di dalam membela akidah Salaf termasuk Ibn Fūrak. Ibn al-Subkī (771H) bahkan menegaskan “Ia (mazhab Ash‘arīyah) adalah mazhab para ahli hadis klasik dan kontemporari, tidak termasuk golongan bid‘ah yang berfahaman *tashbīh* yang sering mendakwa diri mereka berpegang kepada sunnah” (Ibn al-Subkī, 1992).

4.5 Kewafatan

Pada akhir hayatnya, Ibn Fūrak dijemput ke Ghazna untuk berdebat dengan kalangan Karrāmiyah (Adavoudi Jolfaei, 2022). Semasa perjalanan pulang, beliau diracun dan meninggal dunia pada tahun 406h. Jenazah beliau selanjutnya dimakamkan di sebuah negeri bernama Hirah yang terletak dalam kawasan Naysabur. Berdoa di kubur beliau dikatakan mustajab. Ini adalah riwayat yang sahih berkenaan kewafatan Ibn Fūrak. Adapun riwayat yang mengatakan bahawa Sultan Sabuktigin yang membunuhnya kerana permasalahan akidah, maka ini adalah riwayat dusta (al-Dhahabī, 1990).

5. Konsep Takwil Ibn Fūrak Dalam Karya *Mushkil al-Ḥadīth*

Ibn Fūrak adalah imam dalam kalangan *nuzzār* (semi-rasionalis) ahli hadis pada abad keempat sekaligus sangat kuat berpegang dengan nas-nas daripada al-Quran dan Sunnah. Kesederhanaan Ibn Fūrak bahkan membuatkan beberapa pihak tidak senang melihat pendekatan beliau yang sering menggabungkan antara ilmu hadis dan ilmu kalam dalam menghuraikan nas-nas *mutashābihāt*. Antaranya ialah golongan Karrāmiyah yang sangat membenci Ibn Fūrak hingga berkali-kali melakukan komplot untuk membunuh beliau. Ibn Fūrak lalu menyusun kitab *Mushkil al-Ḥadīth wa Bayānuh* yang menghimpunkan hadis-hadis sifat *khbariyyah* berkenaan sifat Allah yang pada zahirnya kelihatan mengandungi *tajsim* dan *tashbih*. Pada pendahuluan buku ini, beliau menegaskan bahawa tujuan karya ini ditulis ialah bagi menjawab beberapa tohmahan dan kekeliruan (*shubhāt*) yang dilemparkan oleh kalangan Karrāmiyah yang berusaha menimbulkan kekecohan dan kekeliruan dalam agama.

Dalam wacana hadis, *mushkil al-ḥadīth* terjadi apabila kesamaran berlaku pada zahir hadis seolah-olah bercanggah dengan ayat al-Quran atau hadis yang lain. Secara prinsip, hadis sahih mustahil bertentangan dengan ayat al-Quran atau hadis sahih yang lain. Tiada pertentangan antara kebenaran dengan kebenaran. Bagi menghilangkan kemusykilan dan menemui hakikat dari kandungan hadis-hadis yang bercanggah ini, ramai kalangan ulama telah menyusun karya penting. Antara karya awal dalam kategori ini adalah *Ikhtilāf al-Ḥadīth* karya al-Shāfi'ī (m. 204h) yang menyebut sebahagian daripada hadis-hadis *mushkil* dan menjelaskan sanadnya. Menyusuli al-Shāfi'ī, Muslim bin al-Hajjāj (m. 261h) menulis *Awhām al-Muḥaddithīn* diikuti Ibn Qutaybah (m. 276h) menyusun karya *Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth* bagi menjawab kalangan yang menentang ahli hadis. Berikutnya *Tahdhīb al-Āthār* oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī (m. 310h) diikuti al-Taḥawī (m. 321H) melalui karya berjudul *Mushkil al-Āthār*. *Gharīb al-Ḥadīth* dan *Iṣlāḥ Ghalat al-Muḥaddithīn* oleh al-Khaṭṭābī (m. 388h). Tidak ketinggalan *Mushkil al-Ḥadīth* karya Ibn Fūrak (m. 406h) yang menjadi modus perbincangan tulisan ini. Topik utama Ibn Fūrak adalah menjelaskan hadis-hadis yang sering menjadi sandaran kalangan ultra-tradisionalis.

Karya Ibn Fūrak ini terbahagi kepada tiga bab utama, tidak termasuk pendahuluan. Bab pertama mengupas hadis-hadis yang membawa makna keserupaan Allah dengan sesuatu (*tashbih*), kemudian beliau menerangkan maksud hadis-hadis tersebut mengikut perspektif Salaf dalam kalangan *nuzzār* (semi-rasionalis) ahli hadis. Bab kedua pula adalah dikhususkan bagi menjawab *shubhāt* yang tertuang di dalam Kitab *al-Tawḥīd wa Ithbāt al-Ṣifāt* karya Ibn Khuzaymah (311H). Kesemuanya termuat di dalam sepuluh hadis, lalu dijelaskan kesilapan Ibn Khuzaymah dalam pentakwilan. Manakala bab ketiga pula diadkan untuk mengulas buku *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* karya al-Ṣibghīy (342H) yang kesemuanya adalah berkaitan dengan masalah *tashbih* (Ibn Fūrak, 2003).

Hadis Rasulullah SAW adalah produk bahasa arab berkualiti tertinggi selain terkenal sangat kaya dengan kosa kata dan penggunaan gaya bahasa yang pelbagai dalam menghasilkan makna yang dikehendaki. Ia turut mengandungi bentuk-bentuk gaya bahasa kiasan (*majāz*) yang meliputi *isti'ārah*, *kināyah*, *maqlūb*, *ziyādah* dan sebagainya (Nasir et al., 2023). Dalam menegaskan hal ini, Imam Shāfi'ī menyatakan “bahasa arab adalah bahasa yang paling luas mazhabnya dan paling banyak lafaznya. Kami tidak mengetahui seseorang yang menguasai kesemuanya melainkan seorang nabi.” (al-Shāfi'ī, t.th)

Menurut Ibn Fūrak, prinsip *tawqīf* hendaklah diamalkan dalam perbahasan nama dan sifat tanpa sebarang campur tangan akal untuk mencipta sebarang nama atau sifat bagi tuhan. Akal hendaklah patuh terhadap keterangan al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Hal ini ditegaskan oleh Imam Ash'arī “tidak boleh kita menamakan Allah dengan sesuatu yang tidak Dia namakan sendiri bagi diri-Nya, tidak juga dinamakan oleh Rasul-Nya dan tidak disepakati oleh kaum muslimin atas penetapan nama itu dan maknanya.” (al-Ash'arī, 2021)

Selain itu, pengkelasan status *muḥkam* atau *mutashābih* di dalam hadis adalah sama seperti al-Quran. *Muḥkam* adalah setiap ayat atau hadis yang sudah tersedia terang dan nyata isi kandungannya secara bersendirian tanpa perlu huraian lanjut. Manakala *mutashābih* pula setiap ayat atau hadis yang tidak mampu

difahami dengan tepat kecuali dibantu oleh keterangan dalil-dalil yang lain. Hal ini bertepatan dengan tradisi percakapan bahasa arab yang sering menggunakan ucapan yang jelas dan terkadang menggunakan bentuk ucapan yang samar. Justeru hadis antropomorfisme ini termasuk dalam kategori *mutashābih*. Melalui teori ini, kalangan rasionalis dikritik hebat oleh Ibn Fūrak kerana menerima hadis *muḥkam* sebaliknya menolak hadith *mutashābih*. Pendekatan rasionalis amat merbahaya kerana boleh menatijahkan pembatalan sebahagian ayat al-Quran sebagaimana mereka membatalkan sebahagian hadis (Ibn Fūrak, 2003).

Ibn Fūrak sangat berhati-hati dalam menentukan sifat Allah lalu mewajibkan kesahihan nas-nas hadis yang boleh membawa kepada fahaman antropomorfisme sebelum membuat huraian lanjut. Dalam bantahan beliau terhadap kumpulan rasionalis, beliau menegaskan bahawa: “kami membenarkan semua yang terkandung di dalam hadis dan disebutkan oleh wahyu. *Qiyās* tiada peluang untuk digunakan di sini sama sekali menurut kami.” Beliau malah menegaskan bahawa hadith palsu dan lemah tertolak dengan sendirinya (Ibn Fūrak, 2003).

Menariknya dalam menerima hadis yang menetapkan sifat-sifat tuhan, Ibn Fūrak mewajibkan hadis tersebut hendaklah mengandungi lafaz yang benar-benar berasal daripada Nabi SAW. Dalam erti kata lain hadis yang diriwayatkan secara makna (*bi al-ma'nā*) tidak dijadikan hujah dalam penetapan sifat tuhan kerana periwayatan secara makna tidak mencerminkan lafaz sebenar baginda SAW bahkan lahir daripada kefahaman subjektif perawi. Begitu juga halnya dengan ucapan selain Nabi SAW umpama ucapan sahabat dan tabi'in juga tidak boleh dijadikan hujah dalam penetapan sifat tuhan kerana ia bukan lafaz baginda SAW (Ibn Fūrak, 2003).

Jika hadis-hadis tersebut berbentuk *āḥād* beliau menerimanya dengan syarat berstatus sahih, berbeza dengan muktazilah yang menolak hadis *āḥād*. Hadis *āḥād* adalah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi atau lebih namun tidak memenuhi ciri-ciri hadis *mutawātir*. Hadis *mutawātir* pula adalah hadis yang memiliki jalur sanad yang banyak dan mustahil para perawi berdusta atas Nabi SAW. Justeru, beliau tidak segera menetapkan sifat tuhan melalui hadis *āḥād* yang berstatus *ẓannī*, kerana ia tidak mencapai tahap qat'iy di dalam pendalilan. Malah mewajibkan *tanzīh* (mensucikan) Allah dengan cara merujuk kepada nas-nas *muḥkam* atau mentakwil berdasarkan konsep *majāz* yang dibincangkan dalam bahasa arab yang fasih (Ibn Fūrak, 2003).

Namun hadis-hadis *āḥād* tersebut tetap diterima sebagai hujah selama ia tidak menetapkan perkara yang mustahil bagi Allah seperti penetapan sifat-sifat jisim bagi Allah. Jika kandungan hadis tersebut menetapkan perkara yang mustahil bagi Allah, maka hadis tersebut mestilah ditakwil. Menurut Ibn Fūrak, takwil merupakan pilihan terbaik antara dua pilihan yang buruk, iaitu menetapkan sifat makhluk kepada tuhan yang diamalkan oleh kalangan ultra-tradisionalis atau menolak hadis sahih yang dilakukan oleh kumpulan rasionalis. Perlu disedari bahawa kalangan awam tidak dibenarkan mendalami masalah ini (Ibn Fūrak, 2003).

Dalam menerima hadis yang menetapkan sifat bagi tuhan, hadis yang diriwayatkan secara *tafarrud* juga tidak boleh dijadikan hujah kerana tidak boleh dipastikan ia benar-benar berasal daripada lafaz Nabi SAW selain dibimbangi ia berasal daripada kefahaman subjektif perawi. *Tafarrud* secara bahasa ialah bersendirian. Dalam istilah ilmu hadis, ia adalah suatu keadaan di mana seorang perawi meriwayatkan sebuah hadis atau perkataan yang tidak disokong oleh perawi lain. Sekiranya perawi tersebut lemah, secara pasti *tafarrud*-nya ditolak. Namun jika perawinya *thiqqah*, ahli hadis mengambil pendekatan berhati-hati. Sebelum mengambil keputusan untuk menerima atau menolak, pelbagai *qarīnah* akan diambil kira terlebih dahulu. Ia menunjukkan penerimaan *tafarrud* sangat bergantung kepada ijtihad yang bersifat *ẓannī* yang tidak dijadikan hujah dalam perbincangan akidah yang menuntut dalil qat'iy (Ibn al-Ṣalāh, 1986).

Walaupun hadis antropomorfisme termasuk dalam kategori *mutashābih*, ia bukan bererti makna hadis tidak boleh diketahui. Hal ini berdasarkan pegangan sebahagian sahabat Nabi SAW berkenaan ayat *mutashābih* yang mampu diketahui oleh kalangan ulama yang mantap ilmunya (*al-rāsikhūn fī al-'ilm*) sebagaimana keterangan dalam ayat 7 Surah Ali Imran. Beliau bahkan tidak bersetuju dengan pandangan yang mewajibkan sikap ‘terima tanpa tafsir’ dan wajib menyerahkan maknanya kepada Allah. Pandangan sebegini boleh mengakibatkan seolah-olah baginda SAW bercakap perkara yang tidak berfaedah kerana tiada sesiapa yang memahami ucapan baginda SAW sedangkan baginda SAW bercakap menggunakan bahasa arab yang boleh difahami oleh mereka yang menggunakan bahasa ini.

Mengenai ucapan salaf yang memerintahkan untuk mendiamkan hadis-hadis antropomorfisme, ucapan tersebut memiliki dua makna. Pertama, ucapan tersebut adalah dikhaskan untuk orang awam yang tidak mampu mendapatkan makna sahih daripada hadis-hadis tersebut. Kedua, arahan itu berkaitan dengan hadis-hadis yang amat susah untuk ditetapkan maknanya. Dengan galakan mendiamkan hadis-hadis tersebut, salaf hendak menafikan kewajipan memahami kandungan hadis-hadis tersebut dan tidak berdosa bagi yang tidak mampu memahaminya. Penetapan sifat Allah hanya boleh diketahui melalui wahyu (*sam'iy*) di mana akal tiada peluang untuk mensifatkan tuhan dengan sifat-sifat yang didiamkan oleh wahyu. Berdasarkan teori ini, beliau mengkritik sebahagian ahli hadis yang menetapkan sifat tuhan berdasarkan pemahaman *ithbāt* yang melampau. Beliau menegaskan bahawa penetapan sifat mesti setia dengan sebutan lafaz hadis yang sebenar. Dalam kritikan beliau terhadap sikap Ibn Khuzaymah (salah seorang tokoh ahli hadis ultra-tradisionalis yang menetapkan sifat tuhan

menerusi pemahaman *ithbāt* yang berlebihan) yang dengan sengaja telah melanggar prinsip yang beliau sendiri tegaskan, iaitu wacana hadis sifat antropomorfisme tidak boleh melangkaui perkara yang dikatakan dan diriwayatkan (*al-maqūl wa al-manqūl*) oleh baginda Rasulullah SAW (Ibn Fūrak, 2003).

Beliau mengkritik pendekatan yang menetapkan sifat-sifat tuhan berasaskan ijtihad dan ucapan manusia yang tidak maksum. Beliau menegaskan bahawa penetapan sifat antropomorfisme berdasarkan ucapan manusia tidak boleh dijadikan hujah. Mengulas kenyataan ‘Ubayd bin ‘Umayr, seorang ulama tabiin yang menceritakan seolah-olah zat Allah memiliki had dan batasan, beliau dengan tegas menolak ‘Ubayd bin ‘Umayr sebagai hujah dan ucapan beliau hendaklah ditolak dalam penetapan bahawa zat Allah terhad. Ini salah satu keistimewaan Ibn Fūrak yang membezakan pendekatan beliau berbanding kumpulan ultra-tradisionalis.

Selain itu, keistimewaan metode takwil Ibn Fūrak terlihat pada pendekatan beliau yang sering membezakan antara sifat dan *idāfah* (sandaran). Sifat adalah sesuatu yang berdiri pada zat tuhan, manakala *idāfah* ialah sebuah penyandaran suatu lafaz kepada tuhan. Sebagai contoh lafaz ‘rumah Allah’ merupakan sandaran lafaz rumah kepada Allah, yang menunjukkan kemuliaan dan kepemilikan. Tiada siapa yang pernah menetapkan bahawa Allah memiliki sifat yang bernama rumah. Justeru, sifat mesti diterima tanpa ada ‘bagaimana’ (*kayf*), namun *idāfah* mesti ditafsirkan selari dengan konteks ucapan (*siyāq al-kalām*) secara takwil (Ibn Fūrak, 2003).

Dalam membincangkan makna hadis antropomorfisme, beliau menetapkan bahawa lafaz yang terkandung di dalam hadis tersebut berstatus *mushtarak*, iaitu memiliki beberapa kemungkinan makna. Makna yang paling layak ditetapkan kepada tuhan adalah mesti yang selari dengan prinsip-prinsip akidah Islam yang dibina di atas al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai contoh apabila mengulas makna persoalan Nabi kepada seorang hamba perempuan yang bisu ‘di mana Allah?’ Ibn Fūrak menyebut bahawa perkataan ‘di mana’ digunakan oleh bangsa arab untuk dua makna. Pertama pertanyaan tentang tempat. Kedua pertanyaan tentang darjat. Oleh kerana dalil-dalil ‘*aqlī* dan ‘*naqlī* menetapkan bahawa Allah tidak bertempat, maka makna kedua wajib dijadikan pilihan. Ucapan Nabi ini mesti difahami sebagai persoalan tentang kedudukan Allah di sisi hamba perempuan tersebut. Jawapan beliau yang mengisyaratkan jarinya ke langit menunjukkan kedudukan tinggi Allah di hatinya (Ibn Fūrak, 2003).

Ibn Fūrak juga telah menetapkan bahawa: “sekiranya seseorang mengatakan Allah di langit dengan maksud bahawa sifat-sifat-Nya lebih tinggi daripadanya, bukan bermaksud menetapkan tempat, maka ucapan ini tidak boleh diingkari”. Hal ini kerana mereka telah menafikan kelaziman zahir hadis-hadis tersebut dengan menafikan jisim, menafikan anggota dan menafikan jujuk bagi Allah. Konsep ini bertepatan dengan kaedah *imrār* yang tidak melakukan sebarang andaian dan justifikasi terhadap sifat tuhan, sebagaimana ungkapan masyhur oleh Sufyān ibn ‘Uyaynah: “setiap yang disifatkan oleh Allah pada diri-Nya di dalam kitab-Nya, maka penafsirannya adalah bacaannya serta didiamkan sahaja” (Ibn Fūrak, 2003).

6. Kesimpulan

Sumbangan besar Ibn Fūrak terhadap kelestarian mazhab ahli hadis semi-rasioanalisis pada abad keempat di Naysabur dapat disaksikan terhadap konsep takwil yang dilakukan oleh beliau berdasarkan teori Salaf melalui kaedah yang telah ditahqiq oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Secara etimologi, tahqiq adalah sebuah usaha yang dijalankan oleh pakar bagi mendapat pengesahan sesuatu kebenaran yang disertakan dengan bukti. Hal ini telah mengimbangi pengaruh rasionalis yang menafikan sifat tuhan dan ultra-tradisionalis yang berfahaman antropomorfisme. Ibn Fūrak berjaya menerapkan metodologi yang menggabungkan antara ilmu hadis dan ilmu kalam di dalam mengukuhkan kedudukan mazhab ahli hadis semi-rasional di Naysabur pada abad keempat selain menjadi pencetus kepada kegemilangan mazhab ahli hadis semi-rasional di Naysabur melalui murid-muridnya. Konsep takwil terhadap hadis sifat *khbariyyah* yang ditawarkan oleh Ibn Fūrak hakikatnya hanyalah sebuah penerus terhadap kefahaman Salaf yang selari dengan kaedah bahasa arab kerana kepakaran Ibn Fūrak di dalam linguistik bahasa Arab telah membantu dalam menyelesaikan kemelut salah faham terhadap hadith sifat *khbariyyah*. Manhaj Ibn Fūrak dalam berinteraksi dengan hadis-hadis sifat Allah ternyata merupakan kesinambungan daripada manhaj Salaf. Ia adalah manhaj yang diikuti oleh kesemua ulama Salaf dalam kalangan Sahabat dan Tabiin.

Rujukan

- Adavoudi Jolfaei, A. (2022). Debates of Ibn al-Furak al-Ash'ari with Karamiya in Ghazni (early fifth century AH). *Historical Studies*, 13(1), 47-78.
- Al-Ash'arī, A. H. (1990). *Maqalat al-Islamiyyin wa al-Ikhtilaf al-Musollin*. Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Ash'arī, A. H. (2021). *Al-Luma' fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Abu Dhabi: Dar al-Hukama'.
- Al-Baihaqi, A. B. (2008). *Al-Sunan al-Kubrā*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Bayhaqi, A. B. (2004). *Al-Asmā' wa al-Shifāt*. Al-Mansurah : Dar Ibn Rajab.
- Al-Bukhārī, M. I. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed. Muṣṭafā al-Bughā. Damsyiq: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Bustī, M. H. (2002). *Kitab al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Dar al-Saima'i.
- Al-Dhahabī, M. A. (1985). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Dhahabī, M. A. (1990). *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Masyahir wal A'lam*. Dar al-Kitab al-Arabiyy, cetakan kedua, Beirut.
- Al-Isfīrāyīnī, A. M. (t.t). *Al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*. Al-Maktabah al-Azhariyyah.
- Al-Ishbīlī, Ibn al-Khayr, Abu Bakr (2009). *Fihrisat Ibn Khayr al-Ishbīlī*. Tunis: Dar al-Maghrib al-Islami.
- Al-Lālakā'i, A. Q. (1981). *Sharḥ Uṣūl 'Itiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Saudi: Dar al-Ṭaybah.
- Al-Maqriẓī. (2015). *Al-Tajsim fi al-Fikr al-Islami*. Ed. Al-Saqqar, S. T.tp: Maktabah al-Afaq.
- Al-Naṣṣār, A. S. (2013). *Nasy'at al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Dar al-Salam.
- Al-Qasimī, A. A. J. (1992). *Musykilat al-Ahadithu-Nabawiyyah wa Bayanuha*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Qasimī, J. (1979). *Tarikh al-Jahmiyah wa al-Muktazilah*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Rāmahurmuzī, H. A. (2016). *Al-Muhaddith al-Fāsil bayn al-Rāwī wa al-Wa'iy*. Dar al-Zakhayr.
- Al-Ṣa'īdī, A. M. (1996). *Al-Mujaddidun fi al-Islam min al-Qarn al-Awwal ila al-Rabi' Asyar*. Maktabah al-Muhtadin.
- Al-Saqqār, S. (2015). *Al-Tajsim fi al-Fikr al-Islami*. Maktabah al-Afaq.
- Al-Ṣāwī, A. M. (2014). *Hashiyah al-Ṣāwī 'alā Tafsiṛ al-Jalālayn*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Shafī'ī, M. I. (t.th). *Al-Risalah*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shahrastānī, M. A. (2005). *Al-Milal wa al-Nihal*. Darul Fikr.
- Al-Siba'ī, M. (2003). *Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islamiy*. Dar al-Warraaq.
- Al-Tamīmī, M. K. (1997). *Maqalah al-Ta'til wa al-Ja'ad bin Dirham*. Adwa al-Salaf.
- Brown, J. (2007). *The Canonization of Al-Bukhari and Muslim: The Formation and Function of the Sunni Hadith Canon* (Vol. 69). Brill.
- Dhyab, A. F. (2018). The Origins of Interpretation According to Imam Ibn Furak (D: 406 AH). *Journal of Al-Farahidi's Arts*, 10(33).
- Haleem, M. A. (2020). Early kalām. In *History of Islamic philosophy* (pp. 71-88). Routledge.
- Harrās, M. K. (1952). *Ibn Taymiyah al-Salafi*. Percetakan al-Yusufiyah.
- Harun, Z. B. (2021). Kemusykilan Hadis-Hadis Sifat Allah: Kajian Pendekatan al-Bayhaqi dalam Kitab al-Asmā' wa'l-Shifāt: Mushkil al-Ḥadīth Related to Anthropomorphic Divine Attributes: A Study of al-Bayhaqi's Approach in al-Asmā' wa'l-Shifāt. *Al-Burhān: Journal of Qur'ān and Sunnah Studies*, 5(1), 121-137.
- Ibn 'Abd al-Bār, Y. (2000). *Al-Istidhkar*. Dar al-Fikr.
- Ibn 'Asākir. (1979). *Tabyin Kathib al-Muftara fi ma Nuṣiba il al-Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī.
- Ibn al-Ṣalāḥ, A. A. U. (1986). *'Ulum al-Hadith*. Dimasyq : Dar al-Fikr.
- Ibn al-Subkī, T. A. A. (1990). *Tabaqāt al-Syafi'iyah al-Kubra*. Cairo : Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Ibn Fūrak, A. B. M. (2003). *Musykil al-Hadith*. Al-Ma'had al-Faransi li al-Dirasat al-Arabiyyah bi Dimasyq.
- Ibn Jahbal, S. A. (1987). *Al-Haqaiq al-Jaliyyah fi al-Rad 'ala Ibn Taimiyyah fi ma awradahu fi al-Fatawa al-Hamawiyyah*. Mathba'ah al-Fajr al-Jadid.
- Ibn Khallikan, A. M. (1972). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar al-Sodir.
- Ibn Taimiyyah, A. A. (1991). *Dar'u ta'arudh al-Aql wa al-Naql*. Saudi : Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud.
- Mahmūd, R. A. Z. (2021). *Qawl al-Salaf fi al-Shifāt al-Khabariyyah*. Al-Azhar : Dar Usul al-Din.
- Markaz al-Azhar. (2014). *Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari Imam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: nahw waṣṭiyyah Islamiyyah jami'ah*. Cairo : Dar al-Quds al-Arabi, Jilid pertama.
- Mas'od, M. A., & Hamat, M. F. (2019). Pemikiran Skeptikal Syiah Terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya-Karya Syiah Melayu: Satu Kritikan: Shi 'ite's Sceptical View Towards Ahl al-Sunnah



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 14, No. 28 (December 2024)

- wa al-Jama 'ah in Malay Shi 'ite Works: A Critic. *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(1), 1-52.
- Melchert, C. (1997). The Adversaries of Aḥmad Ibn Ḥanbal. *Arabica*, 234-253.
- Melchert, C. (2024). *The formation of the Sunni schools of law, 9th-10th centuries CE* (Vol. 4). Brill.
- Nashshār, S. A. (2013). *Nasy'ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Cairo : Dar al-Maarif.
- Nasir, K., Zaman, R. K., & Adnan, I. (2023). Analisis Bibliometrik Tesis dan Disertasi Tentang Ulama Hadith Dalam Kajian Pascasiswazah Di Malaysia. *HADIS*, 13(26), 71-85.
- Noor, U. M. (2021). *Hadith Sifat Polemik Takwil dalam Sejarah Teologi Islam*. Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Noor, U. M. (2021). Polemik Pentafsiran Maqām Maḥmūd dan Penolakan Antropomorfisme dalam Kalangan Ahli Sunnah: Maqām Maḥmūd Polemic and the Denunciation of Anthropomorphism in Sunni Islam. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(1), 1-48.
- Pervez, S. (2023). Muslim Intellectual History: A Survey. *American Journal of Islam and Society*, 39(3-4), 206–272. <https://doi.org/10.35632/ajis.v39i3-4.2332>
- Yaacob, N. (2022). Aliran Akidah Umat Islam Terhadap Sifat Khabariyyah: The Sect of Belief among Muslims on the Attribute of Khabariyyah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 50-67.